



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



Laporan Indeks **PERPADUAN NASIONAL** Tahun 2025 (IPNas 2025) *Versi Infografik*



**LAPORAN INDEKS PERPADUAN NASIONAL
TAHUN 2025 (IPNas 2025) VERSI INFOGRAFIK**

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Putrajaya, 2026

Hak cipta / *Copyright* Kementerian Perpaduan Negara (KPN), 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Perpaduan Negara (KPN) terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Ministry of National Unity (Malaysia).

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur,
Presint 1, 62000 Putrajaya, MALAYSIA

Laporan Indeks
PERPADUAN
NASIONAL Tahun 2025
(IPNas 2025) *Versi Infografik*



**Keharmonian adalah
hadiah perpaduan yang
sejati**

ISI KANDUNGAN

01	KATA PENGANTAR	9
	Menteri Perpaduan Negara	10
	Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara	11
	Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional	12
02	PENGHARGAAN DAN PENGURUSAN PROJEK	13
	Penghargaan	14
	Pakar Rujuk	15
	Pasukan Perunding	16
	Jawatankuasa Pemandu	17
	Jawatankuasa Teknikal	18
	Jawatankuasa Kerja	19
03	RINGKASAN EKSEKUTIF	21
	Ringkasan Eksekutif	22
04	PENDAHULUAN	23
	Latar Belakang Kajian	24
	Kerangka Komprehensif Perpaduan Kefahaman Terkini	25
	Kerangka Konseptual Indeks Perpaduan Nasional	26
	Matlamat Utama IPNas 2025	27
	Kepentingan IPNas 2025	28
05	METODOLOGI KAJIAN	29
	Metodologi dan Skop	30
	Pensampelan	31
	Instrumen	32
	Teknik dan Proses Kutipan Data	33
	Bilangan Responden IPNas 2025	34

06	PENEMUAN KAJIAN	35
	Demografi Responden	36
	Skor IPNas 2025 Peringkat Nasional	39
	Skor IPNas 2025 Mengikut Wilayah	40
	Skor IPNas 2025 Mengikut Negeri	41
	Negeri dengan Skor IPNas Tertinggi	42
	Negeri dengan Skor Melebihi Purata Nasional	43
	Negeri bersamaan dengan Purata Nasional	44
	Negeri dengan Skor di bawah Purata Nasional	45
	Defisit Sosial Mengikut Negeri	47
07	RUMUSAN	49
	Rumusan Umum Dapatan IPNas 2025	50
	Arah Tindakan ke Hadapan	51
08	TREND INDEKS PERPADUAN NASIONAL	53
	Analisis Trend IPNas 2018-2025	54
	Apa yang Menyumbang kepada Peningkatan ini?	55
09	KESIMPULAN	57
	Kesimpulan Kajian	58



Kata Pengantar

KATA PENGANTAR



MENTERI PERPADUAN NEGARA

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan Laporan Indeks Perpaduan Nasional Tahun 2025 (IPNas 2025). IPNas 2025 merupakan sebuah ukuran penting yang mencerminkan tahap keharmonian, kebersamaan serta kekuatan sosial di negara kita. IPNas bukan sekadar satu angka atau skor malah ia merupakan barometer sejauh mana rakyat Malaysia mampu hidup bersama dalam suasana saling memahami, menghormati dan mempercayai.

Dalam dunia yang semakin kompleks, isu perpaduan tidak boleh diambil mudah. Landskap masyarakat Malaysia yang majmuk menuntut pendekatan berasaskan data dan bukti (*evidence-based*) agar dasar, program dan intervensi yang dirangka oleh Kementerian Perpaduan Negara khususnya benar-benar memberi impak.

Melalui IPNas, kerajaan dapat menilai dinamik hubungan antara kaum, tahap keterlibatan komuniti, sentimen kebersamaan, serta persepsi rakyat terhadap institusi dan isu perpaduan. Laporan kajian ini menjadi asas penting dalam memperkukuh Dasar Perpaduan Negara. Selain itu, IPNas 2025 sangat membantu kementerian merancang inisiatif yang lebih responsif, inklusif dan berkesan. Dalam menghadapi cabaran masa kini khususnya seperti penyebaran maklumat palsu, polarisasi sosial dan perubahan struktur masyarakat, IPNas 2025 memberi panduan tepat untuk memastikan setiap tindakan kerajaan adalah berlandaskan keperluan semasa rakyat.

Saya percaya bahawa perpaduan tidak boleh dicapai melalui slogan semata-mata. Perpaduan mesti dibina melalui usaha berterusan, kefahaman mendalam dan komitmen seluruh masyarakat. Justeru, dapatan IPNas ini akan terus digunakan bagi memperkasakan program-program jabatan dan agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan rakan-rakan strategik di semua peringkat.

Saya menyeru agar semua pihak tanpa mengira sektor awam, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil, pemimpin komuniti serta rakyat Malaysia memanfaatkan laporan ini untuk bersama-sama mengukuhkan jalinan perpaduan yang menjadi teras kepada keamanan dan kemakmuran negara. Akhir kata, saya berharap agar laporan ini menjadi rujukan bernilai agar terus dapat mengangkat aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil, inklusif dan bersatu padu.

YB DATUK AARON AGO DAGANG

Menteri Perpaduan Negara

KATA PENGANTAR

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurniaNya, Laporan Indeks Perpaduan Nasional Tahun 2025 (IPNas 2025) telah berjaya diterbitkan. IPNas 2025 merupakan sebuah instrumen penting yang menjadi petunjuk aras kepada kesepaduan sosial negara kita secara menyeluruh. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pasukan perunding, pegawai Kementerian Perpaduan Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), rakan pakar dari universiti dan agensi kerajaan, serta semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Komitmen, ketelitian dan profesionalisme telah memastikan IPNas 2025 dapat diterbitkan dengan kualiti terbaik. IPNas 2025 dirangka sebagai ukuran saintifik, objektif dan menyeluruh bagi menilai tahap kesepaduan dalam masyarakat majmuk Malaysia.



Dengan sokongan data yang kukuh dan metodologi penyelidikan yang mantap, laporan ini menyediakan gambaran yang jelas tentang kedinamikan hubungan antara kaum, tahap kepercayaan sosial, kesediaan bekerjasama kementerian, serta persepsi rakyat terhadap dasar dan program sedia ada. Sebagai Kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk memelihara serta memperkukuh keharmonian negara, dapatan IPNas 2025 amat bernilai kerana ia membolehkan kementerian merancang dan melaksanakan intervensi berpandukan bukti. Pendekatan *data-driven decision-making* adalah penting bagi memastikan setiap dasar dan program perpaduan benar-benar responsif terhadap cabaran semasa dan keperluan rakyat. Dalam keadaan dunia hari ini yang berdepan ancaman ekstremisme dan penyebaran maklumat yang tidak tepat, laporan IPNas 2025 mengingatkan kita tentang pentingnya usaha memperkukuh perpaduan dilakukan secara konsisten dan berstrategi. Menerusi dapatan ini, kementerian akan terus menambah baik program khususnya melalui Jentera Perpaduan, memperkukuh inisiatif pembinaan negara bangsa, serta usaha memupuk interaksi lebih bermakna di peringkat akar umbi.

Saya berharap laporan ini bukan sahaja menjadi rujukan dasar kerajaan, malah dapat dimanfaatkan oleh para penyelidik, pihak industri, badan bukan kerajaan, dan seluruh masyarakat untuk bersama-sama membina Malaysia yang lebih kukuh, inklusif dan bersatu padu. Akhir kata, marilah kita terus memelihara keharmonian yang menjadi asas kekuatan negara kita. Semoga usaha ini memberi manfaat yang besar kepada rakyat dan masa depan Malaysia.

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

KATA PENGANTAR



KETUA PENGARAH JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

Perpaduan negara merupakan teras utama kepada kestabilan politik, pembangunan sosioekonomi, dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Dalam konteks negara yang berbilang kaum, pengukuran tahap perpaduan secara empirikal amat penting bagi menilai keberkesanan dasar, pelan tindakan dan strategi kerajaan dalam memperkukuh kesepaduan sosial dan identiti nasional yang inklusif.

Saya amat bersyukur dan berbesar hati dengan hasil Laporan Indeks Perpaduan Nasional Tahun 2025 (IPNas 2025) yang dilaksanakan sebagai usaha memperkukuhkan petunjuk perpaduan negara.

IPNas 2025 merupakan satu kajian yang komprehensif dan mengambil tempoh selama 12 bulan untuk diselesaikan. Kajian ini dilaksanakan melalui lantikan firma perunding iaitu UKM Pakarunding Sdn. Bhd. dan dibiayai Kementerian Ekonomi di bawah Rolling Plan Kelima (RP5) Tahun 2025. IPNas 2025 selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Bidang Keutamaan RMKe-12 bagi Memperkukuh Perpaduan untuk Negara Makmur dan turut diperincikan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Bab 7: Meningkatkan Perpaduan, Pertahanan, Keselamatan dan Kesejahteraan dengan sasaran skor 0.7.

Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif, kajian ini memberikan gambaran menyeluruh mengenai tahap perpaduan rakyat Malaysia sekaligus mencapai sasaran yang ditetapkan di peringkat nasional dengan pencapaian skor 0.701. Kejayaan mencapai sasaran ini memberikan keyakinan bahawa usaha berterusan kerajaan untuk memperkukuh perpaduan rakyat telah membuahkan hasil.

Saya berharap dapatan IPNas 2025 akan terus menjadi panduan strategik yang berasaskan data sahih untuk merangka dasar dan intervensi yang lebih berkesan, seterusnya memperkukuh perpaduan sosial, meningkatkan keharmonian, dan membina masyarakat Malaysia yang aman, inklusif, dan sejahtera.

ZULKIFLI BIN HASHIM

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional



Penghargaan dan Pengurusan Projek

PENGHARGAAN

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian, agensi serta jabatan yang terlibat dalam pelaksanaan Indeks Perpaduan Nasional Tahun 2025 (IPNas 2025)

PENAUNG

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara

PENASIHAT

YBrs. Tuan Mohamad Sobri bin Mat Daud
Timbalan Ketua Setiausaha
(Dasar dan Perancangan Strategik)
Kementerian Perpaduan Negara

YBrs. Tuan Zulkifli bin Hashim
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

KETUA PROJEK

Puan Nafizah binti Nayan
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa

TIMBALAN KETUA PROJEK

Puan Suraya binti Wen
Pengarah
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional

SEKRETARIAT KAJIAN

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa KPN
Encik Zahed bin Saidin
YBrs. Dr. Ahmad Rafeen bin Mohamad
Encik Muhammad Ismail bin Aminuddin
Encik Md Sobri bin Md Yusoff

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional
Puan Syahilawani binti Noordin
Puan Syadatul Amira binti Aminudin

PAKAR RUJUK

YBhg. Prof. Dr. Mansor bin Mohd Noor

Profesor Kehormat
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong

Felo Penyelidik Utama
Institut Kajian Etnik
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dato' Dr. Sivamurugan Pandian

Profesor Sains Sosial
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Prof. Datuk Dr. Rajendran Nagappan

Profesor Adjung Pendidikan
University of Cyberjaya & Infrastructure Kuala Lumpur

PASUKAN PERUNDING

**YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri bin Baharuddin,
FASc**

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Prof. Madya Ts Dr. Mohd Sobhi bin Ishak

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dr. Kartini Aboo binti Talib @ Khalid

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Dr. Novel Lyndon

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee bin Ismail

Universiti Putra Malaysia

YBrs. Prof. Madya Dr. Zaini bin Othman

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Prof. Madya Ts Dr. Aidi bin Ahmi

Universiti Utara Malaysia

YBrs. Prof. Madya Dr. Chin Yee Mun

Universiti Tunku Abdul Rahman

YBrs. Prof. Madya Dr. Hairol Anuar bin Hj. Mak Din

Universiti Islam Selangor

YBrs. Prof. Madya Dr. Shamshuritawati binti Sharif

Universiti Utara Malaysia

YBhg. SAC (B) Datuk Dr. Zafari bin Zulkfili

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Dr. Budi Anto bin Mohd Tamring

Universiti Malaysia Sabah

YBrs. Dr. Azizah binti Sarkowi

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis

YBrs. Dr. Ab. Bassit bin Hussain

Universiti Kuala Lumpur

YBrs. Dr. Mohd Shaiful Ramze bin Endut

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBrs. Dr. Nor Azlili binti Hassan

Universiti Tunku Abdul Rahman

YBrs. Dr. Mohd Herry bin Mohd Nasir

Universiti Utara Malaysia

YBrs. Dr. Mohd Rahimi bin Ramli

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

YBrs. Dr. Mazli bin Mamat

Polis Diraja Malaysia

Encik Ahmad Zul Hakimi bin Hassim

Universiti Kebangsaan Malaysia

Encik Yuriny bin Adnan

UKM Pakarunding

Puan Intan Suraya binti Razak

UKM Pakarunding

Puan Bahirah Syazana binti Mohamad Zan

Universiti Kebangsaan Malaysia

JAWATANKUASA PEMANDU

PENGERUSI

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid

Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

KEMENTERIAN

Kementerian Perpaduan Negara

Kementerian Ekonomi

Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Pendidikan

Kementerian Pendidikan Tinggi

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

JABATAN DAN AGENSI

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perangkaan Malaysia

JAWATANKUASA TEKNIKAL

PENGERUSI

Tuan Zulkifli bin Hashim

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

KEMENTERIAN

Kementerian Ekonomi

Kementerian Dalam Negeri

Kementerian Pendidikan

Kementerian Pendidikan Tinggi

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri Sarawak

Kerajaan Negeri Sabah

JABATAN DAN AGENSI

Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perangkaan Malaysia

Polis Diraja Malaysia

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara

INSTITUT

Institut Sosial Malaysia

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

JAWATANKUASA KERJA

PENGERUSI

Puan Suraya binti Wen

Pengarah

Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional

AHLI

Kementerian Perpaduan Negara

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

Bahagian Kesepaduan Nasional

Bahagian Kolaborasi Strategik

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Bahagian Dasar dan Perancangan

Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan

Bahagian Keharmonian Antara Penganut Agama

Bahagian Pengurusan Perpaduan

Bahagian Kesepaduan Sosial dan Integrasi Nasional

URUS SETIA

Seksyen Dasar dan Pembangunan Strategik,
Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa,
Kementerian Perpaduan Negara

Bahagian Penyelarasan Kajian dan Maklumat,
Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional



**Perpaduan adalah
tanggungjawab bersama
seluruh rakyat Malaysia**



Ringkasan Eksekutif

RINGKASAN EKSEKUTIF

Perpaduan nasional ialah asas kepada kestabilan dan kemajuan Malaysia. Dalam masyarakat yang berbilang kaum, pengukuran perpaduan secara empirikal adalah penting untuk menilai keberkesanan dasar dan memahami cabaran baharu yang mempengaruhi hubungan sosial. Selepas IPNas 2018 dan IPNas 2022, beberapa dimensi seperti hubungan sosial rentas etnik dan etos nasional menunjukkan peningkatan. Namun wujud juga cabaran seperti polarisasi politik identiti, penurunan tahap persefahaman antara etnik dan perubahan persepsi terhadap dasar inklusif kerajaan selepas COVID-19 dan PRU15.

IPNas 2025 dilaksanakan melalui penilaian soal selidik dan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) bagi mendapatkan gambaran menyeluruh tentang persepsi dan keadaan perpaduan rakyat. Model kajian ini menilai perpaduan melalui lima komponen yang merangkumi Kesepaduan Sosial (KS) yang menjadi ukuran utama, dipengaruhi oleh Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP), Tahap Keetnikan (TK), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE), dan Etos Nasional (EN) sebagai faktor bebas. Skor IPNas 2025 yang diperoleh ialah 0.701, menunjukkan tahap perpaduan Malaysia di tahap sederhana namun kian mengukuh berbanding skor IPNas 2018 dan IPNas 2022 dengan beberapa negeri mencatat prestasi lebih positif berbanding yang lain.

Kajian ini turut mengenal pasti enam (6) isu defisit sosial yang perlu diberi perhatian kerana mempunyai kesan besar terhadap keharmonian masyarakat. Isu tersebut ialah etnisiti, media, politik dan federalisme, agama, kelas sosial dan pendidikan. Faktor-faktor ini saling berkait dan berpotensi menjejaskan persepsi, interaksi dan keyakinan rakyat terhadap institusi jika tidak ditangani secara strategik. Analisis Pareto menunjukkan bahawa penumpuan kepada isu-isu kritikal seumpama ini dapat memberikan impak kepada peningkatan perpaduan paling ketara.

Secara keseluruhannya, IPNas 2025 menyediakan gambaran jelas tentang kekuatan dan kelemahan perpaduan negara pada masa ini. Dapatan kajian ini dapat membantu kerajaan dan pihak berkepentingan merangka intervensi yang lebih tepat, berasaskan data dan lebih responsif kepada perubahan sosial. Usaha mengukuhkan perpaduan nasional perlu bergerak seiring dengan tadbir urus yang inklusif, interaksi masyarakat yang sihat serta merapatkan jurang pendidikan dan sosioekonomi agar keharmonian negara kekal mampan.




Pendahuluan

LATAR BELAKANG KAJIAN


Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) ialah instrumen analisis bagi mengukur tahap perpaduan rakyat Malaysia, berasaskan tiga konsep utama iaitu perpaduan yang diidamkan, kesepaduan yang dicapai dan penyatupaduan yang diusahakan. Diperkenalkan pada tahun 2018, IPNas telah melalui tiga (3) kali kajian (2018, 2022 dan 2025) selaras dengan Dasar Perpaduan Negara, dengan matlamat menyokong dasar dan intervensi kerajaan dalam mengurus kesepaduan sosial.

Dapatan IPNas 2018 dan 2022 menunjukkan peningkatan skor indeks daripada 0.567 kepada 0.629. Pencapaian ini menandakan tahap perpaduan nasional adalah sederhana tetapi stabil, walaupun negara berdepan pelbagai cabaran. Pasca Pilihan Raya Umum ke-15 dan era pandemik COVID-19 memperlihatkan cabaran baharu terhadap perpaduan nasional. Cabaran tersebut termasuk penurunan persefahaman antara etnik, peningkatan sentimen politik, kesan berita palsu, ucapan kebencian dan fragmentasi nilai kebangsaan, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Fokus IPNas 2025 adalah untuk membuat analisis perbandingan tahap perpaduan mengikut wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. IPNas 2025 turut menumpukan kepada memahami kedinamikan kesepaduan sosial semasa dan mengenal pasti trend tahap perpaduan agar boleh dijadikan model bagi mempergiat usaha perpaduan di peringkat nasional. Kajian ini dikawal selia oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Kajian ini dibiayai oleh Kementerian Ekonomi di bawah *Rolling Plan* Kelima Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).



KERANGKA KOMPREHENSIF PERPADUAN KEFAHAMAN TERKINI




Nota: PTPN=Pelan Tindakan Perpaduan Negara

KERANGKA KONSEPTUAL INDEKS PERPADUAN NASIONAL

Model IPNas 2025 dibangunkan berasaskan lima (5) konstruk iaitu Kesepaduan Sosial (KS), Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP), Tahap Keetnikan (TK), Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dan Etos Nasional (EN). TUP berfungsi sebagai faktor bebas yang mempengaruhi KS secara langsung dan tidak langsung melalui konstruk pengantara lain, sekali gus menyediakan kerangka analisis berperingkat yang kukuh bagi pembentukan dasar perpaduan yang lebih tepat dan berkesan.

Kerangka Konseptual Pembangunan IPNas 2018






***Nota:** Perubahan Etos Bangsa kepada Etos Nasional bermula pada 2025

Sumber: Kerangka Komprehensif Perpaduan Kefahaman Terkini (Ishak & Baharuddin, 2021)

MATLAMAT UTAMA IPNas 2025

IPNas 2025 ini melibatkan tiga (3) matlamat utama, iaitu:

-  **Mengukur tahap perpaduan di peringkat nasional dan mengikut negeri berdasarkan instrumen yang telah ditambah baik** **01**
-  **Membuat analisis keseluruhan berdasarkan dapatan kajian** **02**
-  **Membuat analisis perbandingan mengikut tiga (3) wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak** **03**

KEPENTINGAN IPNas 2025

IPNas 2025 berfungsi sebagai instrumen strategik negara dalam mengukur dan mengukuhkan perpaduan melalui tiga (3) aspek utama:

01

Alat Pengukuran dan Analisis Empirikal

IPNas 2025 berfungsi sebagai instrumen empirikal untuk mengukur tahap perpaduan rakyat secara menyeluruh. Ia membolehkan kerajaan memahami dinamika hubungan etnik serta mengesan trend perubahan sosial bagi tujuan penambahbaikan dasar yang lebih tepat.

02

Penilaian Keberkesanan Dasar

Indeks ini menilai keberkesanan inisiatif utama seperti Malaysia MADANI dan Dasar Perpaduan Negara. Data yang diperolehi membantu kerajaan menangani isu polarisasi dan merapatkan jurang perpaduan antara wilayah (Semenanjung, Sabah, dan Sarawak) dengan lebih berkesan.

03

Barometer Sosial Masa Depan

Sebagai barometer sosial, IPNas 2025 mengukur elemen kritikal seperti tadbir urus dan etos nasional dalam menghadapi cabaran era digital. Ia menjadi asas kepada pembentukan dasar yang lebih inklusif dan progresif demi menjamin keharmonian masa depan negara.



Metodologi Kajian

METODOLOGI DAN SKOP

IPNas 2025 dibangunkan sebagai satu rangka saintifik yang menyeluruh untuk mengukur tahap perpaduan rakyat Malaysia secara empirikal, sistematik dan berasaskan bukti (*evidence-based*). Pendekatan ini merupakan kesinambungan dari pelaksanaan IPNas 2018 dan IPNas 2022. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan soal selidik (*survey*) berstruktur dan disokong oleh kaedah Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD).

METODOLOGI



Kaedah tinjauan soal selidik yang disokong oleh FGD

PENSAMPELAN



Nasional

Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

Asas Pemilihan: Blok Penghitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK)

DEMOGRAFI RESPONDEN




Warganegara Malaysia, Umur 18 Tahun dan ke atas

Kawasan: Bandar dan Luar Bandar

Tujuan: Menilai perbezaan pengalaman dan persepsi sosial

MODEL STRUKTUR KAJIAN



DEFISIT SOSIAL



Etnisiti



Pendidikan



Agama



Politik Federalisme



Ruang Bandar-Desa



Jurang Generasi



Kelas Sosial



Gender



Bahasa




Media

PENSAMPELAN

Kajian IPNas 2025 menggunakan Pensampelan Rawak Berstrata Dua Peringkat (*Two-Stage Stratified Random Sampling*). Strata peringkat pertama meliputi semua negeri di Malaysia, manakala strata peringkat kedua merangkumi kawasan bandar dan luar bandar bagi setiap negeri. Unit pensampelan peringkat pertama ialah Blok Penghitungan (BP), yang dipilih secara berasingan mengikut negeri serta kategori bandar dan luar bandar menggunakan kaedah pensampelan rawak sistematik. Unit pensampelan peringkat kedua ialah Tempat Kediaman (TK), yang dipilih daripada BP terpilih juga melalui kaedah pensampelan rawak sistematik, dengan selang pemilihan ditentukan supaya setiap TK mempunyai kebarangkalian yang sama untuk terpilih. Prosedur pensampelan ini dilaksanakan dengan sokongan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) secara teratur dan saintifik bagi memastikan sampel yang diperoleh adalah tidak pincang (*unbiased*) serta mewakili populasi isi rumah di Malaysia secara menyeluruh.

Sampel Kajian Berasaskan Blok Penghitungan



Nota: Satu Blok Penghitungan (BP) mengandungi sepuluh (10) Tempat Kediaman (TK)

INSTRUMEN

SOAL SELIDIK

108

Soalan merangkumi maklumat demografi, konstruk IPNas dan dimensi defisit sosial.



DEMOGRAFI

Soal selidik ini merangkumi data demografi dan pelbagai item untuk memastikan pengukuran yang menyeluruh dan tepat.



5 KONSTRUK IPNas

- Kesepaduan Sosial
- Etos Nasional
- Hubungan Sosial Rentas Etnik
- Tadbir Urus dan Pembangunan
- Tahap Keetnikan



DEFISIT SOSIAL

- Etnisiti
- Pendidikan
- Agama
- Politik Federalisme
- Ruang Bandar-Desa
- Jurang Generasi
- Kelas Sosial
- Gender
- Bahasa
- Media

TEKNIK DAN PROSES KUTIPAN DATA



Blok Penghitungan (BP) Tempat Kediaman (TK)



Soal Selidik Bersemuka dan
Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)

28 April – 30 Jun 2025

Pensampelan Sistematik

Menggunakan Blok Penghitungan (BP) dan Tempat Kediaman (TK) untuk memilih responden.

Melibatkan Pelbagai Lapisan Masyarakat



Ketua Isi Rumah



Pasangan Ketua Isi Rumah



Anak (18 Tahun dan ke Atas)

Kutipan data melibatkan responden yang terdiri sama ada Ketua Isi Rumah, pasangan Ketua Isi Rumah atau Anak yang 18 Tahun dan ke Atas.

BILANGAN RESPONDEN IPNas 2025

Negeri	BP	TK	Bilangan Responden	%
Johor	74	740	627	84.7
Kedah	65	650	463	71.2
Kelantan	54	540	480	88.9
Melaka	53	530	455	85.9
Negeri Sembilan	56	560	409	73.0
Pahang	56	560	473	84.5
Pulau Pinang	72	720	550	76.4
Perak	70	700	608	86.9
Perlis	53	530	477	90.0
Selangor	120	1,200	1,031	85.9
Terengganu	56	560	554	98.9
Sabah	107	1,070	922	86.2
Sarawak	106	1,060	847	79.9
WP Kuala Lumpur	70	700	588	84.0
WP Labuan	51	510	423	82.9
WP Putrajaya	55	550	541	98.4
Jumlah	1,118	11,180	9,448	84.5

9,448

Jumlah
Responden

84.5%

Kadar Respon
Nasional

1,118

Blok
Penghitungan

11,180

Tempat
Kediaman

Nota: BP=Blok Penghitungan; TK=Tempat Kediaman




Penemuan Kajian

DEMOGRAFI RESPONDEN

Kajian IPNas 2025 melibatkan 9,448 responden dari seluruh Malaysia yang mewakili pelbagai latar belakang sosio-demografi. Profil ini memberikan gambaran menyeluruh tentang komposisi masyarakat yang terlibat dalam kajian perpaduan peringkat nasional ini.


Lokality Tempat Tinggal

Sebahagian besar responden (76.7%) tinggal di kawasan bandar, manakala 23.3 peratus lagi dari kawasan luar bandar. Ini mencerminkan realiti demografi Malaysia yang semakin urban, di mana pengalaman dan pandangan tentang perpaduan turut dipengaruhi oleh kehidupan bandar yang lebih majmuk.




Umur

Kumpulan umur terbesar ialah 40–49 tahun (25.3%), diikuti 30–39 tahun (20.1%) dan 50–59 tahun (18.3%). Ini menunjukkan majoriti responden adalah golongan dewasa pertengahan umur, manakala kumpulan belia (18–29 tahun) mewakili 16.2 peratus.




Jantina

Responden terdiri daripada 55.1 peratus lelaki dan 44.9 peratus perempuan, menunjukkan keseimbangan jantina yang baik dalam kutipan data, sekali gus memastikan representasi pandangan kedua-dua kumpulan ini terhadap isu perpaduan.




Tahap Pendapatan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir separuh daripada responden (45.4%) mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM3,440, manakala 22.1 peratus berada dalam lingkungan RM3,440 hingga RM5,249. Sebanyak 14.7 peratus pula tidak mempunyai pendapatan termasuk suri rumah, pelajar atau penganggur. Hanya sekitar 7.4 peratus responden berpendapatan melebihi RM7,690 sebulan.




Wakil Isi Rumah

Lebih separuh daripada responden ialah Ketua Isi Rumah (50.6%), diikuti oleh pasangan Ketua Isi Rumah (31.2%) dan anak berumur 18 tahun dan ke atas (18.2%). Ini memastikan pandangan yang dikumpulkan mencerminkan suara utama dalam struktur keluarga di Malaysia.




Etnik

Hasil kajian menunjukkan komposisi etnik yang mencerminkan kepelbagaian masyarakat Malaysia. Sebahagian besar responden terdiri daripada etnik Melayu (60.3%), diikuti oleh Cina (19.1%) dan India (6.0%). Kumpulan Bumiputera Sabah dan Sarawak membentuk 13.2% daripada keseluruhan responden, manakala Etnik Lain-lain mewakili 1.4 peratus. Peratusan ini menunjukkan bahawa kajian IPNas 2025 melibatkan pelbagai latar belakang etnik yang mencerminkan realiti kepelbagaian masyarakat di Malaysia.




Agama

Sebahagian besar responden adalah beragama Islam (68.4%), diikuti oleh Buddha (15.5%), Kristian (9.1%), Hindu (5.3%), dan lain-lain agama (1.8%). Ini sejajar dengan komposisi penduduk Malaysia berdasarkan data rasmi kebangsaan.




Tahap Pendidikan

Responden kajian terdiri datang daripada pelbagai latar pendidikan yang mencerminkan realiti masyarakat Malaysia. Sebahagian besar responden mempunyai kelulusan SPM atau setaraf (39.9%), diikuti oleh mereka yang memiliki Diploma, STPM atau sijil teknikal (21.8%). Seramai 15.7 peratus pula mempunyai kelulusan peringkat Ijazah, Sarjana atau Doktor Falsafah, manakala 22.6 peratus didapati berpendidikan menengah rendah atau sekolah rendah.



Kategori Pekerjaan

Responden yang paling ramai adalah terdiri daripada pekerja sektor swasta (28.6%), diikuti bekerja sendiri (25.0%), dan tidak bekerja (25.8%). Manakala 15.7 peratus daripada responden adalah bekerja dalam sektor kerajaan dan 5.0 peratus responden adalah dalam kalangan pelajar. Ini menunjukkan variasi yang baik antara kumpulan ekonomi dan sosial.



SKOR IPNas 2025 PERINGKAT NASIONAL

Tahap perpaduan rakyat Malaysia berada pada tahap **sederhana** berdasarkan skor nasional 0.701. Skor nasional ini dikira berdasarkan pengukuran skor konstruk Kesepaduan Sosial (KS).



Skor Nasional: 0.701

Ini menerangkan sekitar 70 peratus daripada kekuatan perpaduan rakyat Malaysia dapat diterangkan oleh empat (4) konstruk iaitu:



Etos Nasional (EN)

berasaskan semangat cinta akan negara dan rasa kekitaan



Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE)

berasaskan keakraban dan kepercayaan antara etnik



Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP)

berasaskan keyakinan terhadap sistem dan dasar kerajaan




Tahap Keetnikan (TK)

berasaskan kekuatan identiti etnik dalam masyarakat majmuk


SKOR IPNas 2025 MENGIKUT WILAYAH

Tahap perpaduan nasional pada tahun 2025 berada pada aras sederhana dan stabil merentas semua wilayah. Sarawak mencatat tahap perpaduan tertinggi, manakala wilayah lain menunjukkan pencapaian sederhana hasil toleransi etnik dan kekuatan jaringan komuniti. Wilayah Tengah dan Utara pula berdepan cabaran struktur sosioekonomi dan urbanisasi, namun berpotensi untuk terus diperkukuh.



SKOR IPNas 2025 MENGIKUT NEGERI

Tiga (3) negeri iaitu Pahang, Melaka dan Sarawak mencapai skor tertinggi, menjadi contoh teladan hubungan harmoni antara masyarakat berbilang etnik dan agama. Lima (5) negeri iaitu Terengganu, Negeri Sembilan, Sabah, Perlis dan WP Labuan menunjukkan tahap perpaduan yang positif dan menjadi asas kukuh untuk terus meningkat. Negeri Johor menyamai purata nasional manakala negeri-negeri lain memerlukan perhatian khusus untuk meningkatkan semangat perpaduan.



Julat Skor	Tahap Perpaduan
0.75 – 1.00	Tinggi
0.50 – 0.74	Sederhana
0.25 – 0.49	Rendah
0.00 – 0.24	Lemah

Julat Skor	Kategori Tahap Perpaduan Sederhana
>0.75 – 1.00	Sederhana Tinggi
>0.50 – 0.74	Sederhana
0.25 – 0.49	Sederhana Rendah

NEGERI DENGAN SKOR IPNas TERTINGGI

Tiga (3) negeri iaitu Pahang, Melaka dan Sarawak mencapai skor tertinggi, menjadi contoh teladan hubungan harmoni antara masyarakat berbilang etnik dan agama.



PAHANG 0.817

Pahang menunjukkan perpaduan paling kukuh di Malaysia. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) yang adil menjadi faktor utama, disokong oleh Etos Nasional (EN) yang tinggi dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) yang baik. Rakyat menunjukkan keyakinan terhadap institusi dan menikmati manfaat pembangunan yang seimbang di bandar dan luar bandar.



MELAKA 0.816

Melaka mencapai tahap perpaduan tinggi hasil Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) yang berkesan dan dasar pembangunan yang inklusif. Rakyat di negeri ini menunjukkan Etos Nasional (EN) yang kuat, Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) yang baik dan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) yang telus dan persekitaran sosial yang harmoni menjadi kekuatan utama.



SARAWAK 0.791

Sarawak mencatat perpaduan yang kukuh hasil pengurusan kepelbagaian etnik yang baik, perpaduan komuniti yang tinggi, dan kepercayaan terhadap kerajaan negeri. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) berperanan besar dalam membina Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dan Etos Nasional (EN) yang stabil. Interaksi harian antara etnik yang pelbagai membentuk suasana aman dan inklusif.

NEGERI DENGAN SKOR MELEBIHI PURATA NASIONAL



TERENGGANU 0.745

Rakyat Terengganu menunjukkan rasa kebersamaan yang kuat, berpaksikan nilai agama, keluarga dan komuniti. Faktor perpaduan banyak dipengaruhi oleh Etos Nasional (EN) dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE). Namun, pengaruh langsung Tahap Keetnikan (TK) terhadap perpaduan masih kecil, memerlukan usaha menambah ruang interaksi sosial dan aktiviti rentas etnik.



NEGERI SEMBILAN 0.731

Perpaduan di Negeri Sembilan digerakkan oleh Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) yang baik dan semangat komuniti tradisi yang kukuh. Etos Nasional (EN) menjadi pengikat utama antara etnik. Masyarakatnya menunjukkan keterbukaan terhadap kepelbagaian budaya, namun penguken interaksi antara generasi dan kawasan bandar-luar bandar masih diperlukan.



SABAH 0.722

Sabah menonjol dengan kepelbagaian etnik sebagai kekuatan perpaduan. Etos Nasional (EN) dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) menyokong kestabilan sosial. Namun, jurang pembangunan masih wujud yang menuntut penguken infrastruktur asas serta pendidikan toleransi budaya bagi memastikan perpaduan seimbang antara bandar dan pedalaman.



PERLIS 0.720

Perlis menunjukkan tahap perpaduan yang stabil walaupun bersaiz kecil. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) negeri yang berkesan dan semangat kejiwaan yang kuat menyokong Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) positif. Cabaran utama ialah memperluas ruang interaksi komuniti serta program kenegaraan merentas semua peringkat umur.



LABUAN 0.719

Perpaduan di Labuan banyak dipengaruhi oleh identiti komuniti pelbagai etnik yang hidup bersama di kawasan bandar kecil. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) serta Etos Nasional (EN) tempatan yang baik membantu membentuk perasaan saling percaya. Namun, pembangunan ekonomi perlu diseimbangkan dengan usaha memperkukuh Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE), terutamanya dalam kalangan generasi muda.

NEGERI BERSAMAAN DENGAN PURATA NASIONAL

Johor berada pada kedudukan purata perpaduan negara dengan skor 0.701, menandakan keseimbangan antara kedudukan sedia ada dan ruang untuk penambahbaikan.

**JOHOR****0.701**

Johor berada pada paras purata nasional. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) serta Etos Nasional (EN) yang baik menjadi kekuatan utama, namun Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) masih boleh dipertingkatkan. Program komuniti dan penglibatan belia perlu diperluas bagi mengekalkan semangat perpaduan dan mengurangkan jurang bandar-luar bandar.

NEGERI DENGAN SKOR DI BAWAH PURATA NASIONAL

Tujuh (7) negeri dan wilayah mencatatkan skor di bawah purata nasional, menandakan wujudnya cabaran khusus yang perlu ditangani secara berfokus. Negeri-negeri ini memerlukan perhatian khusus untuk meningkatkan semangat perpaduan.



PUTRAJAYA

0.693

Putrajaya menunjukkan tahap perpaduan sederhana. Dapatan ini mungkin disokong dengan Etos Nasional (EN) yang tinggi dalam kalangan kalangan penjawat awam. Walau bagaimanapun, penglibatan komuniti dan aktiviti sosial di luar ruang kerja masih rendah. Lebih banyak aktiviti komuniti, keluarga dan kejiwaan perlu diwujudkan bagi memperkukuh Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) dalam kawasan pentadbiran ini.



PULAU PINANG

0.692

Pulau Pinang mencerminkan kepelbagaian yang kaya tetapi berdepan cabaran jurang sosial dan ekonomi antara kawasan serta etnik. Walaupun Etos Nasional (EN) wujud, persepsi terhadap keadilan sosial dan perumahan mampu milik perlu ditambah baik agar masyarakat pelbagai etnik dapat terus berinteraksi dalam suasana harmoni.



SELANGOR

0.675

Sebagai sebuah negeri paling maju dan padat penduduk, Selangor menunjukkan cabaran perpaduan yang lebih kompleks. Walaupun Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) tinggi, Etos Nasional (EN) dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) perlu diperkuat. Program komuniti rentas etnik serta inisiatif mengurangkan jurang bandar-luar bandar amat diperlukan.



KUALA LUMPUR 0.659

Kuala Lumpur mencerminkan perpaduan bandar yang dinamik tetapi terkesan oleh gaya hidup individualistik dan perbezaan sosioekonomi. Walaupun Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) kekal baik, jurang antara komuniti perlu dirapatkan dengan memperbanyak aktiviti kejrangan, ruang awam mesra komuniti, dan program muhibah di peringkat tempatan.



KELANTAN 0.654

Kelantan memperlihatkan nilai kekeluargaan dan komuniti yang kuat, namun Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) masih rendah. Faktor agama dan budaya menjadi pemangkin perpaduan dalaman, tetapi perlu diperluas melalui program nasional yang menggalakkan keterlibatan komuniti pelbagai etnik.



PERAK 0.648

Perak menunjukkan pentadbiran yang stabil, namun tahap perpaduan masih sederhana akibat jurang pembangunan dan penglibatan sosial tidak seimbang. Etos Nasional (EN) wujud, tetapi perlu diperkukuh melalui pendidikan kenegaraan serta inisiatif komuniti setempat.



KEDAH 0.593

Kedah mencatat skor perpaduan tahap sederhana paling rendah. Faktor utama ialah jurang pembangunan bandar-luar bandar, pengaruh Tahap Keetnikan (TK) yang masih kuat dan Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE) yang terhad. Walaupun Etos Nasional (EN) wujud, ia belum cukup untuk mengimbangi perbezaan ekonomi dan sosial. Usaha pengukuhan perpaduan perlu memberi tumpuan kepada pendidikan sivik dan interaksi komuniti. Tadbir Urus dan Pembangunan (TUP) juga perlu inklusif.

DEFISIT SOSIAL MENGIKUT NEGERI

Secara keseluruhan, graf menunjukkan bahawa defisit sosial wujud di semua negeri, namun tahap dan bentuknya berbeza-beza. Isu defisit sosial yang dinilai merangkumi etnisiti, agama, bahasa, pendidikan, kelas sosial, politik dan federalisme, jurang bandar–desa, jurang generasi, gender dan media. Skor rendah (lebih hampir kepada 1) menunjukkan isu dianggap lebih penting atau lebih bermasalah, manakala skor tinggi (hampir kepada 7) menunjukkan isu kurang dianggap kritikal.

Isu	Etnisiti	Gender	Agama	Bahasa	Pendidikan	Kelas Sosial	Politik dan Federalisme	Ruang Bandar Desa	Jurang Generasi	Media
MALAYSIA	1		4			5	3			2
Johor	3		4			5	2			1
Kedah	1		2			5	4			3
Kelantan	1		2	5		6	3			4
Melaka	1		2	5		6	4			3
N Sembilan	1		2	6		5	4			3
Pahang	1		2	4	5	6	3			
Pulau Pinang	1		2			5	4			3
Perak	1		4	7	6	5	3			2
Perlis	3		4				1			2
Selangor	2		4	6		5	1			3
Terengganu	1	5	3	7		6	2			4
Sabah	3		4				1	5		2
Sarawak	1	2	3	4	5	6	4			
WP Kuala Lumpur	2		3		5	6	1			4
WP Labuan	1		4			5	2	6		3
WP Putrajaya	1		2	6		5	4			3

Paling Tinggi Defisit Sosial (1)



Paling Rendah Defisit Sosial (7)

Tahap Kedudukan



**Bangsa Malaysia dapat
dibina melalui
perpaduan rakyat**



Rumusan

RUMUSAN UMUM DAPATAN IPNas 2025

Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2025 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara keseluruhan hidup dalam suasana aman, saling menghormati dan cenderung kepada perpaduan sosial yang kukuh. Kebanyakan negeri berada pada tahap sederhana hingga tinggi, menandakan asas perpaduan negara kekal stabil walaupun masih ada ruang untuk diperkukuh, khususnya dalam hubungan sosial rentas etnik dan pembinaan nilai kebangsaan yang inklusif.

**1**

Tadbir Urus dan Pembangunan yang Adil

Apabila pembangunan dilaksanakan secara saksama dan perkhidmatan awam dapat dinikmati oleh semua golongan, rakyat akan lebih percaya kepada sistem dan lebih mudah bekerjasama.

**2**

Pengurusan Kepelbagaian Etnik yang Inklusif

Apabila identiti etnik dihormati dengan adil dan diterima sebagai kekuatan bersama, ia melahirkan semangat saling menghargai dan memperkukuh nilai kebangsaan.

**3**

Nilai Kebangsaan

Rasa cinta terhadap negara, bangga sebagai rakyat Malaysia dan kesetiaan terhadap simbol kebangsaan menjadi asas kepada keharmonian dan semangat setia kawan.

Namun, kajian IPNas 2025 juga mendapati bahawa interaksi sosial semata-mata belum cukup untuk memacu perpaduan jika tidak disokong oleh pembangunan yang adil dan nilai kebangsaan yang hidup. Hubungan sosial yang baik perlu diterjemahkan kepada kerjasama sebenar dalam aktiviti komuniti dan kehidupan seharian.

ARAH TINDAKAN KE HADAPAN

Berdasarkan dapatan IPNas 2025, beberapa langkah penting perlu diperkukuh untuk memastikan perpaduan terus berkembang ke tahap lebih tinggi.

1

Meneruskan pembangunan yang adil dan menyeluruh

Semua lapisan masyarakat harus merasai manfaat pembangunan, tanpa mengira etnik, wilayah atau status sosioekonomi.

2

Menghidupkan nilai kebangsaan dalam kehidupan seharian

Semangat cintakan negara dan rasa bangga sebagai rakyat Malaysia perlu diterapkan di sekolah, tempat kerja, rumah ibadat dan komuniti.

3

Menukar interaksi kepada kerjasama sebenar

Menggalakkan aktiviti bersama seperti gotong-royong, kebun komuniti, koperasi pengguna, sukan kejuruan dan program bantuan bencana.

4

Memperkukuhkan tadbir urus mikro yang telus

Sistem aduan tempatan dan pengurusan bantuan kepada komuniti yang jelas akan meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi.

5

Menjadikan negeri berprestasi tinggi sebagai pusat rujukan

Pahang, Melaka, Sarawak dan Terengganu boleh menjadi contoh amalan terbaik dalam menggabungkan pembangunan dengan perpaduan.



**Perpaduan dalam
kepelbagaian adalah
kekuatan Malaysia**



Trend Indeks Perpaduan Nasional

ANALISIS TREND IPNas, 2018 - 2025

Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) merekodkan trend peningkatan yang jelas, membuktikan semangat kebangsaan rakyat Malaysia semakin utuh dari semasa ke semasa.

0.567



2018

**Permulaan
Sederhana**

Skor IPNas bermula pada 0.567, dikategorikan sebagai sederhana rendah disebabkan cabaran hubungan antara etnik.

0.629



2022

**Kemajuan
Memberangsangkan**

Skor meningkat kepada 0.629, didorong oleh pelaksanaan dasar dan inisiatif perpaduan kebangsaan.

0.701




2025

**Melebihi
Sasaran**

Skor mencecah 0.701, mencapai tahap sederhana tinggi dan menepati sasaran Rancangan Malaysia ke-12.

APA YANG MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN INI?

Peningkatan trend skor IPNas bukan berlaku secara kebetulan, tetapi hasil gabungan beberapa faktor penting:



TADBIR URUS DAN PEMBANGUNAN PEMACU UTAMA

Faktor ini menyumbang pengaruh paling besar dalam membentuk kesepaduan sosial rakyat Malaysia. Apabila rakyat yakin dengan pentadbiran yang adil dan telus, rasa kebersamaan meningkat dengan paling ketara.



SEMANGAT KEBANGSAAN TERAS PATRIOTISME

Rasa cinta pada negara (Etos Nasional) menjadi asas nilai yang menyatukan rakyat merentasi perbezaan etnik.



INTERAKSI SOSIAL PERLU DIPERKUKUH

Walaupun rakyat saling berhubung, kualiti interaksi perlu diperkukuh untuk membina kepercayaan yang lebih mendalam.



IDENTITI ETNIK SEMAKIN INKLUSIF

Rakyat semakin matang melihat kepelbagaian etnik sebagai sebahagian daripada kekuatan identiti Malaysia, bukannya penghalang.



**Perpaduan nasional
disuburkan melalui
keadilan dan saling
menghormati**



Kesimpulan

KESIMPULAN KAJIAN

PRESTASI DAN PENCAPAIAN UTAMA



**Capaian Responden
Melebihi Sasaran 9,448
Responden (84.5%)**

Berjaya dicapai daripada sampel nasional.



**Skor Perpaduan Nasional
Meningkat kepada 0.701**

Peningkatan berterusan berbanding 0.629 pada 2022 dan 0.567 pada 2018.



**Fokus Baharu pada
Hubungan Sosial**

Model tinjauan memberi penekanan pada Hubungan Sosial Rentas Etnik (HSRE).

CABARAN MENGURUS DEFISIT SOSIAL

5 Faktor Defisit Sosial yang Perlu Diberi Perhatian pada Peringkat Nasional



Etnisiti



Media



Politik dan
Federalisme



Agama



Kelas Sosial



**Kita semua adalah
rakyat Malaysia**



ISBN 978-967-2709-30-5



9 789672 709305

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Parcel F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 Putrajaya, MALAYSIA

Tel: +603-8091 8000

Emel: pro@perpaduan.gov.my